

Amalan memakan sayur-sayuran antara diet terbaik bagi mendapatkan kesihatan dan bentuk tubuh ideal kerana sayur kaya dengan khasiat dan serat.

Antara sayur yang menjadi pilihan kalangan mereka yang mementingkan pemakanan sihat khususnya penggemar salad ialah kubis merah, bukan hanya kerana warnanya yang terang, sebaliknya khasiat yang terkandung di dalamnya.

Sekumpulan penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi Makanan, Universiti Putra Malaysia (UPM) mendapati ekstrak kubis merah mempunyai ciri antibakteria dan antivirus sekali gus berupaya menjadi terapi perubatan alternatif bagi menentang bakteria.

Ini termasuklah bakteria berbahaya seperti *E. coli* O157:H7, *Staphylococcus aureus*, *S. Typhimurium*, *Klebsiella pneumoniae*, *Pseudomonas aeruginosa* serta virus dari kumpulan respiratory syncytial (RSV) dan herpes simplex (HSV).

Setanding dadah sintetik

Diketuai Timbalan Dekan (Pengurusan Sumber) fakulti itu, Prof Dr Fatimah Abu Bakar, menyelidiki berkenaan turut membuktikan kesan yang cukup signifikan terhadap penggunaan ekstrak itu apabila kadar penyembuhan ke atas serangan kumpulan virus setanding dengan penggunaan dadah sintetik.

Prof Fatimah berkata, RSV dan HSV adalah kesan jangka panjang jangkitan virus yang dikaitkan dengan penyakit kanser

dan gangguan saluran pernafasan.

Beliau berkata, ketika ini, penggunaan rawatan berasaskan dadah sintetik atau komersial seperti ribavirin atau acyclovir sering digunakan dunia perubatan.

Katanya, penularan kedua-dua virus itu menyebabkan peningkatan kadar kematian dalam kalangan

kanak-kanak selain penularan penyakit akibat kegunaan ubat-ubatan atau vaksin terapeutik yang betul-betul berkesan.

Elak kesan dadah

"Penggunaan dadah ini ada risiko dan kesannya. Jadi saya cuba mencari pilihan lain dan akhirnya berjaya menemui fungsi antibakteria dan antivirus dalam

kubis merah.

"Penyelidikan dilakukan menggunakan metanol sebagai pelarut organik bagi mengekstrak komponen aktif antivirus



Prof Fatimah menunjukkan dapatan kajian ke atas ekstrak kubis merah.

[AFENDI MOHAMED/ BH]

Kubis merah perubatan alternatif



Kubis merah

- Kandungan antioksidan yang tinggi
- Kaya vitamin A dan C
- Membantu menurunkan risiko penyakit kanser
- Mempunyai ciri antibakteria dan antivirus

dan antibakteria daripada kubis merah.

"Hasil kajian menunjukkan ekstrak kubis merah mampu melindungi jangkitan serangan virus RSV setanding dadah ribavirin.

"Malah, ekstrak kubis merah juga boleh dimanfaatkan sebagai rawatan pencegahan awal (profilaksis) bagi menentang virus HSV pada kadar penyembuhan sama malah lebih baik daripada dadah acyclovir," katanya.

Yakin dengan potensi penyelidikannya sebagai produk kesihatan alternatif berasaskan sumber alam, katanya, kajian itu juga satu inovasi dalam perubatan sekali gus mengelakkan kebergantungan kepada penggunaan dadah sintetik atau komersial.

Kos lebih rendah

"Penggunaan ekstrak kubis merah dalam dunia perubatan mampu diperluas kerana mudah didapati di banyak negara, selain kos yang jauh lebih murah berbanding dadah sintetik atau komersial," katanya.

Dr Fatimah berkata, penyelidikan susulan akan dilakukan termasuk ujian klinikal dengan kerjasama Fakulti Perubatan bagi membolehkan hasil kajian dimanfaatkan secara lebih berkesan ke atas pesakit.